

# UTP universiti swasta bertaraf 6 bintang

Oleh NORILA DAUD

**W**ALAUPUN Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) diiktiraf sebagai universiti bukan penyelidikan bertaraf enam bintang yang dianugerahkan Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) kepadanya baru-baru ini, namun usaha universiti swasta itu tidak terhenti di situ sebaliknya mahu program-program kejuruteraannya disenaraikan sebagai 150 terbaik di dunia menjelang tahun 2020.

Naib Canselor UTP, Datuk Ir. (Dr) Abdul Rahim Hashim berkata, setelah berjaya mencapai tahap tersebut, UTP akan meneruskan usahanya untuk berada dalam senarai 100 universiti terbaik dunia pada tahun 2025.

Menurut beliau, penanda aras yang ditetapkan itu bukan sahaja mewujudkan persaingan malah menggalakkan semua kakitangan di UTP bekerjasama sebagai satu organisasi untuk mencapai sasaran itu.

"UTP tidak sekadar menjadi 'jaguh kampung' tetapi mahu dikenali di peringkat antarabangsa selain mempunyai rangkaian kukuh dengan pusat-pusat penyelidikan tersohor di dunia," ujar Abdul Rahim di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Turut menerima anugerah penarafan enam bintang bagi tempoh 2015-2017 ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Penilaian yang dilakukan MyRA itu melibatkan sebanyak 20 universiti awam, 27 universiti swasta, lima kampus cawangan universiti luar negara dan enam kolej universiti.

Abdul Rahim berkata, UTP dinilai berdasarkan kejayaannya dalam penyelidikan dan inovasi dalam lapan bidang berlainan membabitkan jumlah dan mutu penyelidik, jumlah dan mutu penyelidikan, jumlah pascasiswazah, mutu pascasiswazah, inovasi, perkhidmatan profesional dan pemberian, rangkaian dan perhubungan kerjasama serta kemudahan sokongan.

Dalam pada itu beliau perlu menyahut cabaran untuk menarik sejumlah 10,000 pelajar dalam tempoh dua tahun ini untuk mengikuti program-program kejuruteraan

**UTP dinilai berdasarkan kejayaannya dalam penyelidikan dan inovasi dalam lapan bidang berlainan membabitkan jumlah dan mutu penyelidik, jumlah dan mutu penyelidikan, jumlah pascasiswazah, mutu pascasiswazah, inovasi, perkhidmatan profesional dan pemberian, rangkaian dan perhubungan kerjasama serta kemudahan sokongan."**

**DATUK IR. (DR) ABDUL RAHIM HASHIM**  
Naib Canselor UTP

dan teknologi seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sistem Maklumat Perniagaan dan Petroleum Geosains selain Program Fizik Gunaan dan Kimia Gunaan yang baharu diperkenalkan di UTP.

Beliau juga memberitahu, sebanyak 1,500 pelajar memulakan pengajian Mei lalu. Daripada jumlah itu sebanyak 80 peratus memperoleh 6A manakala 200 pelajar mendapat 9A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain itu, 60 peratus daripada pelajar dibiayai Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan 40 peratus lagi adalah tajaan PETRONAS, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), MARA selain biaya ibu bapa masing-masing.

Beliau memberitahu, setakat ini terdapat 8,700 mahasiswa di UTP dan daripada jumlah itu sebanyak 1,600 mengikuti program pascasiswazah termasuk ijazah sarjana (Masters) dan doktor falsafah (PhD).

Program pascasiswazah itu katanya, menumpukan penyelidikan dalam industri minyak dan gas. UTP meletakkan piaian yang tinggi iaitu enam bintang da-

lam bidang pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

Abdul Rahim juga menegaskan tentang tujuh kecenderungan yang perlu ada pada setiap graduan UTP iaitu boleh menyelesaikan masalah, berfikiran secara kritis, pembelajaran sepanjang hayat, meminati bidang keusahawanan, kemahiran berkommunikasi dan perilaku, kompeten dalam bidang teknikal dan kecenderungan dalam latihan amali.

UTP juga kata beliau, mempunyai 22 orang profesor daripada 350 kakitangan akademik. Lebih daripada 93 peratus kakitangan dianggap sebagai *Principle Investigator* iaitu mereka perlu mengemukakan cadangan, memohon geran untuk melakukan penyelidikan dan hasil-hasil penyelidikan diterbitkan di dalam jurnal-jurnal berkaitan. Sementara itu, peranan tenaga akademik ialah mewujudkan rangkaian dan perhubungan kerjasama di seluruh dunia.

Berhubung kejayaan UTP dalam bidang inovasi, kata Abdul Rahim, pada Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajaran Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) yang

## info

**Kronologi pencapaian Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) sebelum menerima penarafan 6 bintang daripada Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA)**

### 2006

- Status Universiti Penyelidikan (RU) diberikan kepada empat buah universiti iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia.

### 2009

- UTP menyertai pertama kali untuk MyRA membuat penilaian.

### 2010

- Universiti Teknologi Malaysia adalah universiti kelima diberikan status universiti penyelidikan.

### 2011

- UTP menyertai penilaian MyRA dan mendapat penarafan 5 bintang.

### 2015

- UTP adalah universiti swasta, bukan universiti penyelidikan yang pertama menerima penarafan 6 bintang di negara ini (tahap prestasi tertinggi). Kejayaan ini diumumkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Idris Jusoh pada 30 November 2015.

diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 4 hingga 6 Disember lalu, pihaknya menandatangani satu perjanjian dengan De Pearle Connection untuk mengkomersialkan apps Hajj-G yang terdapat dalam telefon pintar untuk maklumat jemaah haji dan umrah.

UTP juga tambah beliau, mencipta *eco-generator* yang mesra alam untuk kegunaan para peniaga di pasar-pasar malam.

Naib Canselor UTP itu memberitahu, mulai tahun hadapan, pihaknya akan menerangkan program yang melibatkan mahasiswa dalam bidang keusahawanan dari tahun pertama sehingga ke tahun akhir. Mahasiswa akan melibatkan diri secara langsung dalam industri, mengakses, mempelajari dan seterusnya membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam sesuatu bidang keusahawanan.

Beliau menjelaskan, UTP juga mahu graduannya menjadi pemilik-pemilik syarikat yang menawarkan pekerjaan kepada penduduk tempatan. Ini penting kerana dalam jangka waktu yang panjang mungkin peluang pekerjaan yang terdapat hari ini tidak lagi wujud pada masa akan datang untuk diisi oleh pelajar-pelajar yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT).



ABDUL RAHIM HASHIM (kiri) menerima anugerah penarafan 6 bintang daripada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh di Kuala Lumpur baru-baru ini.